

Headline	Operasi MIU mula esok		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	31 Mar 2016	Color	Full Color
Section	News	Circulation	214,000
Page No	54	Readership	642,000
Language	Malay	ArticleSize	304 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,924
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,772



Operasi MIU mula esok

■ PUSPAKOM sasar peningkatan pemeriksaan 40 peratus

Mary Victoria Dass

maryvictoria@hmetro.com.my

Pasir Gudang

Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM) menyasarkan meningkatkan operasi Unit Pemeriksaan Bergerak (MIU) kira-kira 40 peratus dengan mewujudkan perkhidmatan berkenaan di wilayah selatan dan utara bermula esok.

Ketua Operasi Perkhidmatan Gerak Primierinya, Mohd Yuza Mohd Yusof berkata, kemudahan itu ditempatkan di cawangan PUSPAKOM Pasir Gudang bagi Wilayah Selatan dan Mak Mandin, Pulau Pinang bagi Wilayah Utara dan akan bergerak ke premis pelanggan apabila ada permintaan.

Menurutnya, ia menjadikan jumlah keseluruhan MIU di kawasan Semenanjung sebanyak enam unit membabitkan dua unit di PUSPAKOM Padang



OOI (kanan) menunjukkan proses dan laporan pemeriksaan kenderaan sambil disaksikan Mohd Yuza.

Jawa bagi kawasan Lembah Klang serta dua unit untuk kawasan Kuantan, Pahang bagi Wilayah Timur.

“Perkhidmatan khas berkenaan yang menggunakan teknologi Perancis mampu menjimatkan masa dan memudahkan pengusaha kenderaan khususnya kenderaan pengangkutan dan logistik menjalani pemeriksaan

kenderaan mereka tanpa perlu mengunjungi cawangan PUSPAKOM.

FAKTA
Jumlah MIU di Semenanjung sebanyak enam unit

“Kita memilih PUSPAKOM Pasir Gudang kerana di sini adalah kawasan perdagangan dan pelabuhan yang menjadi tumpuan di Johor,”

katanya pada sesi pelancaran perkhidmatan itu di PUSPAKOM Pasir Gudang di Tanjung Langsat, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Bahagian

Operasi Puspakom, Datuk Ooi Win Juat.

Beliau berkata, sebelum ini pihaknya terpaksa menghantar perkhidmatan MIU dari Kuala Lumpur bagi menjalankan pemeriksaan untuk syarikat di sini yang membuat tempahan, namun kini ia lebih mudah apabila ada kemudahan di sini.

Ooi berkata, pasukan MIU yang terlatih mampu mengendalikan 80 pemeriksaan sehari dan pelanggan hanya perlu menghubungi talian bebas tol MIU untuk membuat temu janji.